

**PM Agih Bubur Lambuk Resepi Makkah Di Seksyen 13 Shah Alam
Bernama
22 Julai, 2013**

SHAH ALAM, 22 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengagihkan bungkusan bubur lambuk yang disediakan para sukarelawan 1Malaysia For Youth (IM4U) di Bazar Ramadan Seksyen 13 yang menjadi tumpuan ramai di sini.

Najib yang tiba pada jam 5 petang mengagih-agihkan bubur lambuk itu kepada para pengunjung bazar Ramadan itu yang beratur panjang sejak 4.30 petang menanti ketibaan pemimpin Nombor Satu negara itu.

Seorang remaja yang ditemui selepas menerima bubur lambuk dari Najib, Fatin Marissa Abdul Aziz, 16 dari Petaling Jaya Selatan berkata beliau merasa bangga dan terlalu gembira dapat berjumpa secara dekat dengan Perdana Menteri.

Sementara itu, Anggota Lembaga Exco IM4U, Datuk Irmohizam Ibrahim berkata program pemberian bubur lambuk ini adalah sebahagian daripada program anjuran IM4U sepanjang Ramadan ini.

Beliau berkata 112 lokasi Bazar Ramadan seluruh negara telah dipilih untuk program pemberian bubur lambuk yang dimasak sendiri dan diedarkan oleh para sukarelawan IM4U.

"Cuma hari ini sungguh bertuah kerana Perdana Menteri sendiri turun padang dan bersama-sama untuk memeriahkan lagi program ini bersama sukarelawan-sukarelawan yang memasak bubur lambuk ini," katanya.

Sebanyak 2,000 bungkus bubur lambuk diedarkan pada hari ini di Shah Alam dan 150 bungkus daripadanya dikhaskan untuk diberikan semasa kehadiran Perdana Menteri, katanya.

Beliau berkata untuk agihan bubur lambuk di Shah Alam, ia telah dimasak oleh para penuntut Universiti Teknologi MARA (UiTM) kampus Puncak Alam di sini sejak subuh tadi menggunakan resepi dari Makkah.

Golongan belia dan mahasiswa universiti yang datang daripada 84 Pusat Outreach IM4U di seluruh negara akan melakukan perlbagai kerja kebajikan pada bulan ini termasuk memasak dan mengagihkan bubur lambuk, menganjurkan majlis berbuka puasa bersama mereka yang kurang bernasib baik dan membersihkan surau, katanya.

Selain daripada itu, beliau berkata golongan sukarelawan ini akan mengajar kelas Al-Quran dan membimbing majlis Tadarus Al-Quran di lapan masjid terpilih di seluruh negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=965282>